

Headline	Jangka lebih 120,000 pengunjung hadir		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	28 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	6	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	454 cm <sup>2</sup>
Journalist	OLEH ZAREEF MUZAMMIL	AdValue	RM 4,470
Frequency	Weekly	PR Value	RM 13,410



Selangor Agro Fest 2019

# Jangka lebih 120,000 pengunjung hadir



Ir Izham pada sidang media pelancaran Selangor Agro Fest, di Tapak Pasar Tani Kelana Jaya, pada 14 Ogos lalu

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

**PETALING JAYA** - Lebih 120,000 pengunjung dijangka menghadiri Selangor Agro Fest 2019 yang bakal berlangsung di Bulatan Bazarena, Seksyen 13, Shah Alam, pada 5 hingga 8 September ini.

Bertemakan 'Pemodenan Pertanian Ke Arah Kehidupan Lestari', ekspo tahunan pertanian terbesar Selangor itu akan memfokuskan kepada penanaman dan penternakan berpulangan tinggi serta moden.

EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir Izham Hashim, berkata sasaran itu berdasarkan sambutan menggalakkan diterima terhadap penganjuran sama yang diadakan di Kuala Selangor, tahun lalu.

"Kita menerima penyertaan sangat ramai daripada usahawan tani dari seluruh negeri pada Agro Fest di Kuala Selangor tahun lalu meliputi pelbagai bidang sama ada membuka ge-

rai jualan atau pameran.

"Buat julung kali tahun ini, kita juga akan menarik pelajar sekolah untuk turut serta memandangkan kita akan memulakan program Agro Sekolah, pada tahun hadapan," katanya pada sidang media pelancaran ekspo berkenaan, di Tapak Pasar Tani Kelana Jaya, di sini, pada 14 Ogos lalu.

Turut hadir, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Selangor, Dato' Abdul Ghariff Ramin dan Ahli Dewan Negeri Seri Setia, Halimey Abu Bakar.

Pada masa sama, Ir Izham berkata, karnival berkenaan akan turut dijayakan melalui pembabitan 10 jabatan, agensi dan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri termasuk Majlis Bandaraya Shah Alam dalam menyediakan logistik serta susun atur selesai.

Katanya, Kerajaan Negeri turut menyediakan 100 lot pameran bagi usahawan tani yang berminat untuk menyertai karnival itu dengan kadar sewa berpatutan.

"Kita menawarkan harga serendah RM200 satu lot sepanjang tempoh empat hari karnival ini. Jadi, usahawan perlu segera membuat tempahan bagi mengelakkan kehabisan tempat untuk jualan dan pameran.

"Tempahan sudah dibuka kepada usahawan tani dan mereka boleh menempah secara dalam talian di laman sesawang FAMA," katanya.

Selain pameran penternakan, perikanan, pertanian dan industri asas tani, karnival itu turut menganjurkan aktiviti lain antaranya jualan jimat rakyat, pertandingan masakan juadah kampung, jualan makanan istimewa daerah di Selangor, jualan kendera saji (food truck), acara kanak-kanak serta persembahan artis tanah air.

Selangor Agro Fest yang dijadikan sebagai salah satu acara tahunan sejak 2012 diadakan dengan matlamat memperkasa dan membangunkan sektor pertanian, sekali gus meningkatkan pendapatan usahawan tani, di negeri itu.